

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Latar Belakang dan Pernyataan Masalah

Pada asasnya penterjemahan hanya dilihat sebagai aktiviti yang berkaitan dengan proses pemindahan ujaran dan lambang-lambang verbal sahaja manakala maklumat bukan verbal sering diketepikan seolah-olah ujaran verbal ini telahpun mencakupi setiap lambang paralinguistik, kinesik atau semiotik yang melengkapkan secara kohesi lambang-lambang verbal.<sup>1</sup> (Varela, 1997:315-326). Terjemahan juga dianggap sebagai satu tindakan komunikasi interpersonal dan teks yang diterjemahkan itu merupakan cara menunjukkan bahawa sesuatu tindakan komunikasi itu berjaya dilakukan.<sup>2</sup> (Karamitroglou, 2000:67). Namun begitu, secara realiti, mesej-mesej yang disalurkan semasa berkomunikasi bukan hanya terdiri daripada mesej verbal yang dituturkan atau ditulis sahaja tetapi ia turut melibatkan elemen-elemen semiotik yang lain, sebagaimana yang dijelaskan oleh Nord (1991:14) :

(1)

Lambang-lambang komunikasi tidak selalunya perlu terdiri daripada elemen linguistik sahaja, tetapi turut dilengkapkan atau diiringi oleh elemen bukan linguistik atau elemen bukan verbal seperti intonasi, air muka atau gerak isyarat semasa berkomunikasi secara berhadapan, atau menerusi elemen ilustrasi, lukisan dasar, logo syarikat dan sebagainya dalam komunikasi bertulis. Dalam sesetengah teks, elemen bukan verbal mungkin lebih penting daripada elemen verbal, sebagaimana dalam lukisan kartun.<sup>3</sup>

Oleh itu, menurut Nord lagi, sekiranya kita dapat menerima teks sebagai produk yang merangkumi semua isyarat semiotik yang digunakan untuk membentuk mesej, maka

kita nampaknya dapat menimbangkan kepelbagaian elemen semiotik yang mungkin hadir bersama-sama elemen verbal atau elemen linguistik yang lain.

Satu daripada jenis interaksi komunikasi yang melibatkan elemen linguistik verbal dan elemen-elemen semiotik pada masa yang sama dalam penyaluran mesejnya ialah **terjemahan audiovisual**. **Terjemahan audiovisual** merupakan sejenis interaksi komunikatif yang berbeza daripada jenis-jenis komunikasi yang lain kerana terjemahan ini menggunakan lambang linguistik sasaran untuk mengiringi sumber aural dan elemen semiotik visual yang lain.<sup>4</sup> (Karamitroglou, 2000:67). Istilah **penterjemahan audiovisual**, yang sebelum ini turut dikenali sebagai **terjemahan skrin** atau **terjemahan filem** dipilih memandangkan istilah ini memberikan penekanan kepada dimensi audiovisual dalam sistem komunikasinya. Komunikasi audiovisual melibatkan penggunaan secara serentak saluran akustik melalui getaran udara dan saluran visual menerusi gelombang cahaya. Oleh itu dalam penterjemahan audiovisual timbul keperluan tinggi untuk mengambilkira kedua-dua ciri ini. Sebelum ini istilah terjemahan skrin memberikan penekanan pada medium atau pembawa yang menyiarkan produk terjemahan, seperti televisyen, wayang gambar atau skrin video. Walaupun terjemahan audiovisual, terjemahan skrin, dan terjemahan filem membawakan unsur semantik yang sama, iaitu 'terjemahan untuk bahan-bahan audiovisual yang telah dirakamkan', namun istilah terjemahan audiovisual akan digunakan secara konsisten dalam kajian ini.

Varela (1997:315-326) seterusnya menjelaskan terjemahan audiovisual merupakan satu modaliti terjemahan teks khusus yang melibatkan dua narasi, yang menggunakan dua saluran komunikasi yang berbeza, berlaku pada masa yang sama, lantas membentuk satu teks yang berkoherensi dan mempunyai koherensi, iaitu satu unit teks yang multidimensi.<sup>5</sup>

Kajian ini akan menganalisis dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan terjemahan audiovisual dengan berlandaskan beberapa justifikasi tentang pentingnya kajian sebegini dijalankan. Justifikasi ini dijelaskan dalam 1.1.1 – 1.1.4 yang berikut :

#### 1.1.1 Sejarah Penterjemahan di Malaysia

Berdasarkan penulisan oleh Kassim (1991) dan Muhd. Mansor (1991), susur galur penterjemahan dapat dibincangkan berdasarkan tempoh-tempoh penting yang dapat dibahagikan seperti berikut :

##### a) Zaman Pramoden

Cerita saduran dari India dan Semenanjung Arab serta terjemahan kitab agama merupakan ciri-ciri penting hasil terjemahan pada zaman ini. Antara hasil yang disadur daripada tamadun India ialah *Hikayat Seri Rama*, *Hikayat Sang Boma* dan *Hikayat Si Miskin*. *Hikayat Dhu'l Karnain*, *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Bayan Budiman* pula merupakan saduran daripada tamadun Arab.

Kitab agama seperti *Kidayatul Salikin*, *Balughul Muran*, *Minhajul Abidin* dan *Matlaul Bardrain* yang diusahakan pada zaman ini merupakan hasil usaha beberapa penulis seperti Hamzah Fansuri, Shamsudin al-Raniri, Sheikh Daud al-Fatani, Sheikh Abdul Samad al-Palembangi dan Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari. Seseengah kitab tersebut masih digunakan sehingga hari ini di Malaysia.

##### b) Zaman Keagungan Kerajaan Melayu Melaka

Penterjemahan pada zaman ini ditandakan oleh peristiwa Sultan Alauddin Riayat Shah yang menitahkan Bendaharanya Tun Seri Lanang pada kira-kira TM 1612 untuk membaiki kitab dari Goa. Walaupun aktiviti terjemahan berlaku, namun skalanya agak terbatas.

c) Zaman Penjajahan Inggeris di Tanah Melayu

Keperluan timbul terhadap penterjemahan bagi membolehkan penjajah berinteraksi dengan kepala desa, di samping dapat membantu penjajah menyemai dan menyebarkan ideologi mereka kepada penduduk tempatan. Pada zaman ini penterjemahan turut berperanan menyebarkan ilmu pengetahuan dan dilakukan melalui penterjemahan buku cerita dan hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran, perundangan dan peraturan sesebuah negara.

d) Zaman 1920an dan 1930an

Perkembangan terjemahan pada zaman ini dimangkinkan oleh penubuhan Pakatan Belajar Pengetahuan Bahasa di Johor sekitar tahun 1888 yang asaskan oleh Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman Andak dan Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi.

Usaha memperbanyak dan memperkaya hasil karya dan buku-buku ilmu pengetahuan khusus untuk kegunaan pentadbiran dan kegunaan umum dalam BM melalui terjemahan daripada BI dan bahasa Arab adalah antara aktiviti penting zaman ini. Penubuhan *Sultan Idris Training College*, *Malay Women's Training College* di Melaka dan *Pejabat Karang Mengarang Sultan Idris Training College* pada akhir 1920-an memusatkan lagi aktiviti penterjemahan bagi bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran. Antara hasil terjemahan yang penting pada waktu ini

ialah buku-buku pengembaraan seperti *Lions of Uganda*, *Coral Island*, *Treasure Island*, *Robin Hood*, cerita-cerita *Sherlock Holms* serta beberapa padanan prosa drama *Shakespeare* oleh Pendita Za'ba.

1930an turut memperlihatkan sumbangan oleh Sheikh Idris al-Marbawi dalam bidang terjemahan. Kerajaan Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu mula menghantar pelajar mereka ke Mesir, Arab Saudi dan Lubnan untuk belajar. Pelajar-pelajar ini telah mengusahakan majalah *Al-Islam* dan seruan *Al-Azhar* dan semakin banyak terjemahan tentang pengetahuan am dan novel daripada bahasa Arab dilakukan. Cerita-cerita Rokambul turut disiarkan secara bersiri oleh akhbar *Saudara* pada awal 1930an. Dalam tempoh ini juga dilihat Allahyarham Dato' Onn Jaafar memimpin *Lembaga Melayu* di Singapura dan telah menghasilkan terjemahan cerita 1001 daripada naskhah Inggeris.

#### e) Zaman Penjajahan Jepun

Pemerintahan Jepun yang kurang senang dengan apa sahaja yang berbau Inggeris menyebabkan aktiviti terjemahan pada zaman ini tidak begitu penting. Walaupun begitu terdapat juga penerbitan Jepun yang menggunakan BI.

#### f) Era 1960an

Era ini memperlihatkan Oxford University Press mula menterjemahkan siri Sastera Timur dan Barat yang merangkumi novel-novel yang terkenal oleh pengarang-pengarang Eropah dan Asia. Asraf Hj. Wahab merupakan orang yang bertanggungjawab mengelolakan terjemahan ini.

#### g) Era Dewan Bahasa dan Pustaka

Tugas menterjemah oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bermula sejak awal merdeka. Matlamat DBP sebagaimana yang dinyatakan dalam Ordinan DBP 1959 adalah untuk 'Memaju dan Memperkaya Bahasa Kebangsaan' termasuklah peristilahan. Untuk melaksanakan dasar dan matlamat Penyata Pelajaran 1956 dan 1960, DBP perlu membina dan memperkembang BM sehingga menjadi bahasa pengantar di semua sekolah menengah dan peringkat awal pengajian tinggi. Menghasilkan dan menerbitkan buku-buku teks sekolah dan institusi pengajian tinggi turut menjadi tanggungjawab DBP. Sokongan yang diberikan oleh DBP ini memperhebat usaha menterjemah karya bahasa-bahasa asing ke dalam bahasa Melayu. Jadual 1.1 yang berikut menunjukkan hasil pelaksanaan aktiviti terjemahan yang telah dijalankan oleh DBP mengikut bidang, bagi memenuhi keperluan bacaan yang tertentu, khususnya keperluan untuk institusi pengajian tinggi dari tahun 1980 sehingga 1985.

(2) **Jadual 1.1 Buku-buku Terjemahan Terbitan DBP Tahun 1980-1985<sup>6</sup>**

Tahun	1980	1981	1982	1983	1984	1985
<b>Bidang</b>						
Geografi/Sejarah	3	5	2	6	1	-
Geografi	-	-	-	-	-	17
Sejarah & Sains Politik	-	-	-	-	-	34
Antropologi & Sosiologi	2	-	3	2	5	19
Ekonomi/Politik	2	1	5	2	3	-
Ekonomi dan Kewangan	-	-	-	-	-	15
Kimia	2	1	2	-	-	7
Biologi/Perubatan	1	8	-	3	2	-
Biologi	-	-	-	-	-	32
Perubatan	-	-	-	-	-	7
Fizik/Kejuruteraan	1	1	-	-	-	-
Ilmu Sains Fizik	-	-	-	-	-	8
Pertanian	-	1	-	-	-	-
Matematik	-	-	-	1	1	9
Undang-undang	-	-	-	-	1	-
Pentadbiran Awam dan Undang-undang	-	-	-	-	-	4
Linguistik	-	-	-	-	1	-
Linguistik dan Pendidikan	-	-	-	-	-	10
Pengajian Islam	-	-	-	-	--	10

JUMLAH	11	17	12	15	14	172
--------	----	----	----	----	----	-----

Keperluan yang meningkat terhadap bahan-bahan pendidikan ini menyebabkan aktiviti penterjemahan semakin meluas dengan bertambahnya jumlah judul mengikut bidang. Jadual 1.2 di bawah menunjukkan pertambahan yang berlipat kali ganda kepada jumlah buku yang diterjemahkan.

(3) **Jadual 1.2 Buku-buku Terjemahan DBP Mengikut Bidang Dari 1986-1995**

Bil.	Perkara atau bidang	1986-1991	1988-1995
1.	Bahasa dan Linguistik	5	30
2.	Geografi dan Sejarah	11	9
3.	Kesenian	3	11
4.	Kesusasteraan	63	45
5.	Sains Gunaan	56	167
6.	Sains Sosial	53	125
7.	Sains Tulen	82	-
8.	Tamadun Islam	26	86
9.	Falsafah dan disiplin berkaitan	-	10
<b>JUMLAH</b>		<b>299</b>	<b>483</b>

h) Era selepas DBP

Konsep 'pustaka' oleh DBP ini kemudiannya sudah menjadi tidak relevan lagi dengan penutupan Bahagian Penterjemahan di DBP, dan kini DBP tidak lagi menjalankan aktiviti penterjemahan serta tidak lagi menerbitkan buku-buku institusi pengajian tinggi (Abdullah Hassan, 1997). Bermula pada 1994, Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) mula ditugaskan untuk menterjemah buku-buku keperluan negara tetapi aktiviti ini dianggap terpesong kerana desakan mencari keuntungan (Abdullah Hassan, 1997). Walaupun ITNM telah mengambilalih tugas dan tanggungjawab Bahagian Penterjemahan secara rasmi, DBP masih juga meneruskan usaha penyelenggaraan terjemahan terhadap judul-judul yang masih berada di tangan penterjemah yang dilantik

oleh DBP, sepanjang 1988-1995. Menurut Abdullah Hassan (1997) lagi, walaupun universiti-universiti tempatan mempunyai jabatan penerbitan masing-masing dan usaha menterjemah buku-buku teks terus dijalankan, namun begitu usaha ini tidak diselaraskan, peruntukan tidak besar dan universiti-universiti ini masih belum begitu aktif menerbitkan buku untuk keperluan sendiri, sama ada karya terjemahan mahupun karya asli. Ummu Khair & Mazlan (2003) telah mengemukakan satu perangkaan tentang terjemahan judul-judul buku pada peringkat universiti dari 1990–2003, yang ditunjukkan oleh Jadual 1.3 di bawah :

(4) **Jadual 1.3 Judul Terjemahan Penerbit IPTA (1990-2003)<sup>8</sup>**

Penerbit	'90	'91	'92	'93	'94	'95	'96	'97	'98	'99	'00	'01	'02	'03
USM	3	8	7	1 3	7	5	1 0	5	4	6	-	4	1	-
UPM	1	2	1	1	2	2	2	-	1	-	-	-	-	-
UM	-	-	-	-	-	-	1	-	4	-	-	-	-	2
UTM	3	1 1	7	1 1	1 6	1 1	1 3	3 0	1 2	1 3	1 2	3	3	2

Keperluan terhadap buku rujukan berbahasa melayu sangat mendesak di peringkat universiti pada tahun-tahun 1980an dan 1990an membuatkan penerbit seperti Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM), Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPM), Penerbit Universiti Malaya (UM) dan Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berusaha menterjemah judul-judul penting yang diperlukan dengan statistik seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3 di atas. Walau bagaimanapun, menurut Ummu Khair dan Mazlan lagi, usaha murni ini diperhatikan tidak berpanjangan kerana kebanyakan penerbit kini tidak lagi mengusahakan penerbitan buku-buku terjemahan kerana projek ini menelan belanja, masa dan kos yang amat tinggi dan tidak menguntungkan. Di samping itu, menurut mereka lagi, penterjemahan teks ilmiah bagi kegunaan pengajian tinggi yang kebanyakannya diusahakan oleh penerbit universiti yang kesemuanya

bernaung di bawah payung institusi pengajian tinggi awam negara, rata-ratanya merupakan organisasi yang mempunyai peruntukan yang kecil, bersifat *non-profit* dan mempunyai sumber manusia yang terhad.

Penerbit UTM didapati lebih aktif dalam mengendalikan aktiviti penulisan dan penterjemahan. Perangkaan yang disediakan oleh Ummu Khair dan Khalid (2003) menunjukkan bahawa sehingga 2003, penerbit UTM telah berjaya menerbitkan sekitar 342 judul – lebih 90% daripada judul tersebut adalah dalam bidang Sains dan Teknologi yang menggunakan BM, manakala 149 (43%) judul terdiri daripada judul terjemahan. Jadual 1.4 yang berikut menunjukkan pecahan bidang karya terjemahan yang dihasilkan oleh penerbit UTM ; iaitu 140 (93.9%) merupakan judul sains dan teknologi manakala baki 9 (6%) ialah judul sains sosial/kemanusiaan.

( 5 ) **Jadual 1.4 Terbitan Judul Terjemahan Mengikut Tahun dan Bidang<sup>9</sup>**

Tahun	89	90	91	92	93	94	95	96	97	98	99	00	01	02	03	J U M
<b>Bidang</b>																
Sains	1	-	2	2	1	5	3	-	2	1	1	4	1	1	-	24
Kej. Awam	-	1	2	3	3	3	2	2	3	-	2	1	-	-	-	22
Kej. Elektrik	-	-	-	-	-	-	-	5	3	-	1	1	-	-	-	10
Kej. Mekanikal	1	-	4	1	5	4	4	2	1	1	3	1	1	1	2	44
Sains Komputer	-	-	1	1	-	1	1	-	-	3	2	2	-	-	-	11
Sains Geoinformasi	-	1	-	-	1	1	1	1	1	1	-	2	-	1	-	10
Alam Bina	-	-	1	-	1	1	-	1	1	1	1	-	1	-	-	8

Kej. Kimia	-	-	-	-	-	1	-	-	3	4	2	1	-	-	-	1
Pendidikan	-	1	1	-	-	-	-	1	1	-	1	-	-	-	-	5
Kemanusiaan/Umum	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1	-	-	-	-	-	2
Islam	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1	-	-	-	-	-	2
<b>JUMLAH</b>	2	3	1	7	1	1	1	1	3	1	1	1	3	3	2	1
			1		1	6	1	3	0	2	3	2				4
																9

Era baru dalam bidang penterjemahan di negara ini semakin memuncak apabila institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi Mara turut menawarkan kursus-kursus penterjemahan di kampus masing-masing<sup>10</sup> (Muhd. Mansur, 1991; Abdullah Hassan, 1996). Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) pula telah ditubuhkan bagi menggabungkan tenaga penterjemah profesional dan bukan profesional dalam satu organisasi dan dianggap sebagai badan yang mantap dalam menjalankan khidmat penterjemahan serta turut sama menawarkan kursus terjemahan. Persatuan ini diiktiraf oleh persatuan sejawat di negara-negara lain, dan sehingga 30 September 2003, ahli PPM yang berdaftar ialah seramai 1131 orang (Laporan Tahunan 2002/2003 Persatuan Penterjemah Malaysia).

Menurut Pengerusi ITNM, Abdul Aziz Rahman (2003),<sup>11</sup> setelah hampir sedekad ITNM ditubuhkan (14 September 1993), pencapaian ITNM didapati masih rendah dan belum memuaskan. Sehingga akhir 2002, ITNM hanya berjaya menerbitkan 43 buah buku terjemahan manakala 83 lagi sedang diusahakan; 59 secara usaha sama dengan institusi pengajian tinggi awam dan 39 lagi dengan penerbit S. Abdul Majeed. Pada peringkat awal, ITNM hanya menumpukan perhatian kepada kerja-kerja menterjemah buku-buku yang bersifat teknikal seperti komputer, kejuruteraan dan mekanikal. Skopnya kini semakin lebar dan dalam tempoh lima tahun akan datang ITNM mensasarkan 181 buku pelbagai judul untuk diterjemahkan, dengan mengutamakan

kualiti tinggi. Menurut Abdul Aziz lagi, ITNM juga dalam proses melantik *fellow* daripada universiti dalam dan luar negara menduduki jawatankuasa yang bertanggungjawab memantau mutu terjemahan dan sehingga kini ITNM menggunakan khidmat 821 penterjemah dan penyunting serta 201 jurubahasa asing.

Selepas saranan dibuat agar prosiding mahkamah dan dokumen mahkamah diadakan dalam BM (Faiza Thambi Chik dalam Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara, 1994; Mashudi Kader, 1997), pengenalan masyarakat kepada ilmu teknologi maklumat (ICT) juga menampakkan peranan penting yang turut dimainkan oleh aktiviti penterjemahan (Jawatankuasa Istilah, Pusat Teknologi Pengajaran dan Media, USM, 2000; Ismail Zain, 2002). Pelaksanaan dasar baru Kementerian Pendidikan agar pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik dan Sains dilaksanakan dalam BI kepada murid Darjah 1, Tingkatan 1 dan Tingkatan Enam Rendah di sekolah-sekolah kebangsaan di negara ini bermula Januari 2003 turut memaparkan satu lagi senario yang menunjukkan aktiviti penterjemahan berlaku dengan meluas, khususnya pada peringkat penyediaan modul untuk pengajaran dan pembelajaran, rujukan serta membina perisian komputer yang menjadi alat bantu mengajar. Pemerhatian menunjukkan bahawa walaupun penterjemahan ini berlaku daripada BM kepada BI, namun peranan asas penterjemahan adalah begitu besar dalam merealisasikan hala tuju dalam bidang pendidikan di Malaysia.<sup>12</sup>

Selain daripada kesan terhadap penterjemahan akibat perubahan dasar Kementerian Pendidikan, tragedi serangan Amerika terhadap Iraq sepanjang Mac 2003 turut memperlihatkan kepentingan penterjemahan dalam media, sama ada media bercetak atau bertulis. Secara umum, penterjemahan perlu dilakukan terhadap maklumat peperangan yang diperoleh daripada agensi luar negara seperti *Reuters*, *CNN*, *Al-*

*Jazeera* dan sebagainya. Yang menariknya, stesyen televisyen ASTRO, yang memperkenalkan saluran berita *Al-Jazeera* memperlihatkan kesan penting penterjemahan berbentuk audiovisual secara langsung kepada penonton di Malaysia. Maklumat segera yang diperoleh melalui rangkaian *Al-Jazeera* telah dialihbahasakan atau disuaralatakkan dengan segera membuatkan penonton tidak boleh lagi mempertikaikan kemampuan dan peranan penting yang dimainkan oleh aktiviti penterjemahan.

Susuralur sejarah penterjemahan di Tanah Melayu pada awalnya, kemudian di Malaysia, sejak zaman sebelum merdeka sehinggalah selepas merdeka hanya membicarakan tentang aktiviti penterjemahan yang berkaitan dengan bahan-bahan penulisan akademik dan bahan-bahan bacaan sastera sahaja. Selain daripada maklumat yang dinyatakan oleh Muhd. Mansur (1991) tentang filem-filem dari Barat, Arab dan Hindu yang disarikatakan semasa DBP memperhebatkan usaha mereka dalam bidang penterjemahan, dan Kartigesu (1994) tentang pengimportan rancangan-rancangan televisyen dari luar negara pada awal penubuhan Radio Televisyen Malaysia (RTM) disebabkan oleh kurangnya pakar untuk tujuan organisasi, pengurusan dan pengeluaran rancangan, dipercayai tidak ada penulisan lagi yang membicarakan dengan lanjut tentang aktiviti penterjemahan yang melibatkan media audiovisual, khususnya yang berkaitrapat dengan penterjemahan audiovisual.

Sekiranya terdapat penulisan yang membicarakan tentang sari kata, penulisan tersebut hanyalah berupa komen atau ulasan yang ditulis dalam akhbar tempatan untuk menyatakan pandangan masyarakat terhadap kualiti penterjemahan yang dihasilkan dalam program-program televisyen yang mereka tonton. Atas alasan ini, maka wajarlah kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk memperluas lagi khazanah ilmu pengetahuan

secara amnya, dan penterjemahan secara khususnya di samping menangani romping yang belum dipenuhi dalam penyelidikan penterjemahan.

#### 1.1.2 Kajian dalam bidang penterjemahan audiovisual

Walaupun terdapat kajian-kajian yang pernah dibuat terhadap penterjemahan audiovisual, khususnya kajian dari luar negara, namun, jarang sekali kajian yang dijalankan dihubungkan dengan elemen mesej dalam pengungkapan maklumat audiovisual. Pada tahun-tahun 1990an, misalnya, beberapa kajian tentang sari kata telah dibuat (Fattawi, 1994). Kajian oleh d'Ydewalle, et al. (1991) bertumpu pada kajian tentang tempoh kebiasaan yang lama dengan filem-filem yang mempunyai sari kata dan kecekapan memproses maklumat sebagai variabel bagi masa yang dihabiskan dalam aspek sari kata. D'Ydewalle menyarankan membaca sari kata memang perlu kerana dengan cara ini seseorang dapat menghasilkan kecekapan memahami mesej filem yang ditonton. Nedergaard-Larsen (1993) membincangkan kesukaran menghasilkan sari kata yang melibatkan budaya atau elemen bahasa yang spesifik dalam dialog filem. Beliau menunjukkan juga strategi-strategi yang digunakan oleh pensari kata apabila berhadapan dengan fenomena sebegini dan kajian beliau melibatkan empat filem Perancis yang diberikan sari kata dalam bahasa Denmark dengan tumpuan khusus terhadap elemen budaya dan bahasa yang spesifik.

Gottlieb (1994a) pula membincangkan tentang kesan terjemahan terhadap bahan-bahan berbahasa asing yang disiarkan di televisyen. Beliau turut memperkatakan perubahan dalam *mood*, tempoh masa dan juga kemahiran yang perlu ada bagi membolehkan pensari kata mengatasi masalah perubahan tersebut. Beliau turut mencadangkan sembilan asas penting yang perlu diberikan perhatian apabila menghasilkan dan menilai sari kata yang melibatkan dua bahasa yang berbeza. Sembilan asas penting tersebut

ialah pengembangan, parafrasa, pemindahan, peniruan, transkripsi, penyesuaian, ringkasan, pemecahan, pengguguran. Satu penyelesaian akhir yang turut dicadangkan ialah putus asa. Borrás dan Lafayette (1994) telah mengkaji kesan sari kata semasa latihan pemindahan bahasa yang dibuat terhadap pelajar-pelajar berbahasa Perancis yang berada dalam semester kelima di kolej. Kajian mereka mendapati bahawa sari kata bukan sahaja membantu pelajar memahami input linguistik dengan lebih baik malahan juga menghasilkan output komunikasi yang senang difahami. Empat skala penilaian dan soal selidik tentang sikap turut digunakan dalam kajian ini.

Krisher (1994) menyimpulkan bahawa mereka yang menghadapi kesukaran membaca mendapat pengalaman menatap teks secara automatik apabila membaca sari kata. Latihan membaca menggunakan sari kata dapat mengurangkan kesukaran membaca bagi 21 pelajar menengah tahun kedua dalam 24 sesi bagi setiap 15 minit tayangan. Purata membaca cepat meningkat daripada 10 hingga 24 perkataan seminit. Kajian oleh Fattawi (1994) bertumpu pada menyelidik pengetahuan penonton terhadap kandungan video pengajaran berdasarkan pelbagai kaedah terjemahan dan pengalaman menonton. Kajian ini melibatkan responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar matriks di sebuah universiti.

Kajian yang dijalankan oleh Roffe (1995) meneliti kursus sari kata yang direka bentuk dalam pemindahan antara bahasa Welsh dan Inggeris. Kursus ini direka bentuk sebagai satu latihan untuk melatih pensari kata secara profesional. Kursus ini dibangunkan menerusi sepuluh kitaran penyampaian. Analisis yang dibuat terhadap kebolehan pelajar dalam kursus ini menunjukkan latihan perlu sentiasa dilakukan untuk memantapkan kebolehan pelajar seterusnya berupaya membentuk stail tersendiri dalam menghasilkan sari kata.

Tyan dan Hu (1995) turut mengkaji kesan pelbagai kaedah yang digunakan ke atas program video berbentuk pengajaran. Kajian ini dijalankan untuk menyelidik kebolehan pelajar mengingat secara visual dan verbal. Kajian ini melibatkan sari kata bahasa Cina dan BI dan mereka mencadangkan bahawa narasi dalam bahasa Cina perlu diadakan dalam program video pengajaran yang diimport agar pelajar, ibu bapa dan guru lebih mudah mengingat perkara yang diajar. Pada masa yang sama, pengedar video perlu berhati-hati tentang perkara ini apabila membeli video untuk dipasarkan.

Janine-Ann Moutsatsos (1995) turut mengkaji komunikasi silang budaya atau proses pemindahan mesej daripada satu budaya kepada budaya yang lain hasil daripada aktiviti penterjemahan. Menurut beliau, apabila filem, yang merupakan medium multidimensi hebat yang berfungsi menyalurkan mesej-mesej sedemikian diterjemahkan, pensari kata atau pengalihbahasa tentu sekali berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran. Rumusan penting yang diperolehi daripada kajian ini ialah, komunikasi silang budaya dalam penterjemahan filem dapat dikembangkan atau disempitkan, bergantung pada teks sumber, budaya sasaran dan sumber sasaran yang terlibat, kaedah-kaedah terjemahan yang digunakan dan juga interpretasi terhadap audiens sasaran. Wan Amizah (1998) turut membuat penyelidikan terhadap penghasilan sari kata bagi program komedi semasa (*sit-coms*) dan dokumentari dengan tumpuan khusus terhadap kaedah terjemahan formal dan komunikatif yang digunakan dalam kedua-dua bentuk program tersebut. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa bagi program komedi semasa, kaedah terjemahan komunikatif banyak digunakan manakala bagi program dokumentari, kaedah pemindahan bahasa yang berbentuk semantik adalah lebih sesuai.

Dua kajian yang agak signifikan dalam bidang pensarikataan ialah kajian oleh Luyken et al., (1991) dan Karamitroglou (2000). Kajian oleh Luyken et al., (1991) merangkumi kaedah pemindahan bahasa yang penting (sari kata, penyuaran semula, narasi, ulasan, alih suara *lip-sync*) dalam situasi multidisiplin, mekanik yang digunakan, ciri-ciri ekonomi, linguistik yang terlibat, audiens dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya, penilaian serta latihan profesional pemindahan bahasa. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa kecenderungan menggunakan dua kaedah penting pemindahan bahasa dalam bidang audiovisual agak berbeza di Eropah. Perancis, Jerman, Itali dan Spain merupakan 'negara sari kata' manakala teknik sari kata dan penyuaran semula/narasi banyak digunakan di Belgium, Cyprus, Denmark, Finland, Greece, Belanda, Norway, Portugal, Sweden dan Yugoslavia. Dari segi sejarah, pilihan kaedah di Eropah bergantung pada saiz pasaran wilayah linguistik dan pembelian atau peruntukan yang digunakan untuk membeli bahan-bahan audiovisual. Sari kata turut dilihat sebagai perkhidmatan lepas-produksi yang dibekalkan oleh stesyen penyiaran untuk audiensnya. Pilihan kaedah oleh audiens televisyen pula ditentukan oleh kebiasaan dengan sesuatu kaedah yang tertentu, umur, taraf pendidikan dan status sosioekonomi mereka manakala pilihan kaedah oleh penyiar pula dipengaruhi oleh harga program import, sifat penonton yang pelbagai, keadaan ekonomi dalaman dan pilihan kos-efektif.

Kajian yang telah dijalankan oleh Karamitroglou (2000) adalah tentang metodologi penyelidikan terhadap kebiasaan yang digunakan dalam terjemahan audiovisual. Pendekatan polisistem yang digunakan dalam kajiannya melibatkan agen manusia, produk audiovisual, penerima dan mod penyelidikan. Beliau turut menyarankan teknik khusus untuk mengutip dan menganalisis data dan model yang beliau hasilkan ini digunakan untuk mengkaji kelaziman yang menentukan pemilihan antara sari kata dan

penyuaraan semula bagi program televisyen kanak-kanak di Greece. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa pemilihan kaedah pemindahan bahasa bagi program televisyen kanak-kanak dalam konteks audiovisual Greek tidak berbentuk secara langsung dan dominasi kelaziman pensarikataan di Greece mempunyai pengaruh terhadap pemilihan kaedah pemindahan bahasa bagi program televisyen kanak-kanak.

Kajian-kajian yang dijalankan dalam bidang media massa pula merupakan kajian yang berbentuk kesan anti sosial akibat menonton televisyen dan filem. Comstock, Chaffe dan Kartzman (1978) melaporkan bahawa kajian empirikal yang memfokuskan kepada aspek ini ialah empat kali ganda banyaknya daripada aspek lain dalam kajian media massa ini dan penekanan ini masih berterusan sehingga 20 tahun selepas itu (Phaik dan Comstock, 1994).

Gambier (1994) mengatakan bahawa penterjemahan audiovisual dalam media merupakan satu genre baru dan masih belum banyak diterokai dalam bidang penterjemahan. Kajian tentang penterjemahan teks-teks audiovisual khususnya teks-teks sinematik sebenarnya masih belum banyak dijalankan, (Bassnett Mc Guire, 1991, Luyken et al.,1991:165). Bassnett Mc Guire (1991) turut mengakui bahawa masalah yang kompleks dalam menterjemah teks sinematik, yang proses terjemahannya melibatkan komponen visual-kinetik yang melibatkan audiens memberikan perhatian kepada pergerakan bibir pelakon, dan soalan-soalan yang berkaitan dengan sari kata, yang mengambilkira kepantasan membaca parafrasa dan ringkasan sebagai elemen integral tidak dibincangkan sama sekali dalam tulisan beliau dan jarang juga dibincangkan oleh sarjana penterjemahan yang lain.

Menurut Fawcett (1997:69) dan Shuttleworth and Cowie (1997), Watson and Hills (2000), sehingga kini, aspek pensarikataan nampaknya masih lagi diketepikan dalam kajian penterjemahan, malahan timbul juga persoalan sama ada pensarikataan ini dapat dianggap sebagai satu daripada jenis terjemahan. Gottlieb (1994) mengatakan bahawa kajian sari kata yang berasaskan aspek kognitif dan linguistik masih lagi jarang dibuat. Sehingga kini, masih belum ada lagi kajian komprehensif berbentuk linguistik yang memberikan tumpuan terhadap aspek mesej dalam sari kata yang dijalankan oleh mana-mana pengkaji di negara ini. Oleh itu pengkaji mengambil kesempatan atas kekosongan ini untuk menjalankan kajian yang melibatkan aspek mesej dalam penghasilan sari kata yang melibatkan dua bahasa yang berbeza; iaitu BI dan BM dalam program komedi semasa dan drama televisyen.

### 1.1.3 Penterjemahan dalam program televisyen

Menurut Biagi (1996:159), televisyen merupakan media elektronik yang paling popular dalam masyarakat. Hefzallah (1987:5) mengatakan bahawa televisyen telah menjadi medium perhubungan yang paling popular dan paling rapat dengan manusia :

- (6) Tidak pernah lagi berlaku dalam sejarah komunikasi bahawa terdapat satu medium yang sebegitu popular dan sebegitu rapat dengan penonton dibandingkan dengan televisyen. Begitu juga tidak ada satu medium yang dapat menarik perhatian berjuta penonton untuk menonton dengan lama setiap hari. Pembangunan baru dalam telekomunikasi dijangka meningkatkan lagi kepopularan dan kedekatan medium ini dengan orang ramai. Membangunkan kemahiran menonton yang kritis dalam kalangan masyarakat umum akan memastikan penggunaan secara bijak medium komunikasi yang paling popular ini.<sup>13</sup>

(terjemahan saya)

Di Malaysia, terdapat empat rangkaian televisyen yang utama, yang siarannya dapat dinikmati oleh seluruh penduduknya, iaitu TV1, TV2, (disiarkan oleh Radio dan

Televisyen Malaysia yang dikawal oleh Kementerian Penerangan Malaysia), TV3 (disalurkan oleh syarikat swasta Sistem Televisyen Malaysia Berhad) dan NTV7 (yang dipunyai oleh syarikat swasta NATSEVEN TV Sdn. Bhd). Bermula September 2003 pula Saluran 9 mula dipancarkan manakala pada Oktober 2003 pula Saluran 8, yang merupakan anak syarikat TV3 mula diperkenalkan kepada penonton- penonton di Malaysia. Sistem televisyen ASTRO yang dimiliki oleh *Measat Broadcasting Network Systems Sdn. Bhd.* pula hanya menyiarkan programnya kepada pelanggan yang melanggan siarannya dan bayaran langganan ini perlu dijelaskan secara bulanan. Sebuah penyahkod dan penerima isyarat diperlukan sebelum siaran ini dapat diterima di televisyen di rumah-rumah. ASTRO menawarkan saluran yang dapat ditonton berdasarkan nilai langganan bulanan.

Tinjauan awal pengkaji (1999) mendapati di Malaysia, kebanyakan rancangan televisyen hari ini merupakan rancangan terbitan tempatan dan juga rancangan yang diimport dari luar negara. Jadual 1.5 di bawah menunjukkan hasil tinjauan ini :

(7) **Jadual 1.5 Jumlah Jam Tayangan Bagi Program Tempatan dan Import Yang Ditayangkan di Televisyen Malaysia (Minggu/Jam)**

Hari/Saluran	TV1	TV2	TV3	NTV7	Jumlah
Ahad					
Tempatan	15 j 52 min	9 j 08 min	12 j 25 min	5 j 45 min	43 j 10 min
Import	50 min	6 j 55 min	5 j 20 min	10 j 00 min	22j 55 min
Isnin					
Tempatan	15 j 57 min	5 j 20 min	5 j 00 min	1 j 40 min	27 j 57 min
Import	30 min	3 j 00 min	6 j 30 min	4 j 50 min	14 j 20 min
Selasa					
Tempatan	14 j 25 min	4 j 55 min	9 j 00 min	2 j 58 min	31 j 03 min
Import	1 j 30 min	3 j 55 min	3 j 00 min	3 j 41 min	12 j 06 min
Rabu					
Tempatan	17 j 25 min	5 j 20 min	5 j 00 min	2 j 30 min	30 j 15 min
Import	30 min	2 j 55 min	5 j 58 min	3 j 24 min	12 j 48 min
Khamis					
Tempatan	15 j 15 min	4 j 30 min	4 j 30 min	1 j 55 min	24 j 10 min
Import	2 j 00 min	3 j 55 min	6 j 18 min	3 j 45 min	15 j 58 min

Jumaat Tempatan Import	15 j 00 min 30 min	11 j 45 min 6 j 30 min	4 j 00 min 7 j 00 min	2 j 15 min 3 j 45 min	34 j 00 min 17 j 45 min
Sabtu Tempatan Import	19 j 00 min 2 j 30 min	11 j 20 min 7 j 25 min	12 j 00 min 8 j 32 min	50 min 13 j 50 min	43 j 10 min 32 j 17 min
Jumlah Tempatan Import	113 j 54 min 7 j 40 min	54 j 15 min 34 j 35 min	51 j 55 min 43 j 38 min	20 j 53 min 43 j 16 min	233 j 45 min 128 j 09 min

- Kajian ini dijalankan bagi tempoh seminggu bermula 1 April 1999 - 7 April 1999.
- Siaran oleh ASTRO tidak terlibat dalam statistik ini.

Keadaan ini mungkin merupakan kesan jangka panjang yang diperolehi daripada kekurangan kepakaran yang menyebabkan negara ini terpaksa mengimport rancangan dari luar. Menurut Karthigesu (1994), pada awal penubuhan TV1, iaitu sekitar tahun 1963, program-program yang disiarkan di televisyen di negara ini dapat dibahagikan kepada dua jenis; rancangan terbitan tempatan dan rancangan yang diimport dari luar negara. Karthigesu (1994) seterusnya menjelaskan bahawa pada awal penubuhan TV1, iaitu sekitar tahun 1963, negara kita telah menggunakan khidmat pakar yang diimport, sama ada untuk tujuan organisasi, pengurusan mahupun pengeluaran rancangan-rancangan televisyen. Kekurangan kepakaran ini menyebabkan Malaysia terpaksa mengimport rancangan-rancangan dari luar. Fenomena ini berterusan sehinggalah hari ini.

Statistik terbaru yang dikeluarkan oleh Menteri Penerangan Malaysia pada 25 Jun 2002<sup>14</sup> menunjukkan bahawa semua program yang ditayangkan di RTM 1 adalah dalam BM manakala hanya 23% sahaja program BM yang disiarkan menerusi RTM2. Menerusi keempat-empat saluran televisyen yang dapat ditonton oleh semua masyarakat di Malaysia, penggunaan BM ialah 54%, BI ialah 41% diikuti oleh bahasa Tamil dan bahasa Cina sebanyak 5%.

Kebanyakan program yang diimport menggunakan bahasa yang selain daripada BM iaitu sama ada BI ataupun bahasa-bahasa lain. Apabila elemen kebahasaan dalam program televisyen yang import didapati menjadi halangan kepada komunikasi, maka alternatif untuk menyelesaikan masalah ini adalah dengan penterjemahan atau pemindahan bahasa (Luyken et al.,1991:11). Luyken menjelaskan pemindahan bahasa sebagai :

- (8) ...cara yang digunakan bagi membolehkan program filem atau televisyen difahami oleh audiens sasaran yang tidak biasa dengan bahasa sumber yang digunakan untuk menghasilkan teks asal. Pemindahan bahasa boleh dilakukan pertama, dalam bentuk visual (iaitu teks yang dihasilkan ditindan pada skrin, dan dikenali sebagai sarikata; keduanya dalam bentuk aural, iaitu suara asal dalam filem atau program televisyen digantikan dengan suara yang baru.<sup>15</sup>

(terjemahan saya)

Laporan UNESCO (1992) menunjukkan bahawa sistem penyiaran di Malaysia, walaupun masih dikawal oleh kerajaan, banyak bertumpu kepada program-program hiburan. Menurut laporan tersebut, daripada 7716 jam masa tayangan, program hiburan berada pada tempat teratas dengan 51.5 jam tayangan (program ini meliputi filem, lakonan, rancangan muzik, rancangan sukan dan hiburan lain) diikuti dengan program berbentuk informatif (39.5 jam), program berita (23.1 jam), program informatif yang lain (16.4 jam), program keagamaan (6.5 jam) dan iklan (2.5 jam).

Tinjauan awal yang dijalankan oleh pengkaji pada rancangan-rancangan yang disiarkan di TV1, TV2, TV3 dan NTV7 bagi tempoh seminggu (1-7 April 1999) menunjukkan bahawa jumlah jam tayangan bagi program tempatan ialah 233 jam 45 minit manakala jumlah jam tayangan bagi program import ialah 128 jam 09 minit. Kadar ini jelas menunjukkan bahawa tayangan program yang diimport ini mencatatkan kadar peratus yang masih tinggi (Lihat Jadual 1.5)

Matlamat kerajaan untuk membanyakkan siaran rancangan terbitan tempatan supaya memenuhi kuota 80% tempatan dan 20% import menjelang tahun 2000 telahpun tercapai pada 1997 (Malaysia : Buku Rasmi Tahunan 1998). Namun begitu, tinjauan penyelidik mendapati, bagi program yang diimport tersebut, aktiviti sari kata masih berlaku dengan meluas. (lihat LAMPIRAN 1), Malahan bagi program berbahasa Melayu sendiri, khususnya di TV3, sari kata dalam BI turut diberikan. Secara umumnya, televisyen itu sendiri melibatkan jumlah penonton di rumah yang paling besar dan merupakan contoh praktis yang paling hampir dalam kehidupan seharian. *Information Malaysia 1998 Yearbook* (1998) melaporkan pada tahun 1993, terdapat 9 569 000 penonton televisyen dan 8 492 000 pendengar radio di negara ini. Dengan itu, wajarlah kajian yang melibatkan aspek mesej dalam penterjemahan sebegini dilakukan untuk meninjau proses strategi penghasilan sari kata yang dilakukan dalam program-program yang dipilih dan pemahaman penonton apabila mereka membaca sari kata yang dihasilkan .

Secara umumnya, terdapat tiga cara yang boleh digunakan untuk menterjemahkan program televisyen (Luyken et al.,1991:31). Proses yang pertama dikenali sebagai alih suara (*dubbing*), iaitu penutur natif merekodkan semua runut bunyi (*soundtrack*) dan cuba memadankan perkataan yang digunakan oleh mereka dengan gerak bibir pelakon asal. Proses kedua ialah mengadakan sari kata (*subtitle*), iaitu runut bunyi asal diperdengarkan sepenuhnya dan subset yang dituturkan diterjemahkan ke dalam teks yang ditunjukkan pada bahagian bawah skrin televisyen. Proses ketiga ialah suara latar (*voice-over*). Menerusi proses ini, alih suara dalam bahasa penonton sasaran digunakan untuk menerangkan perkara yang berlaku dalam program yang ditayangkan, dan pada

masa yang sama bahasa asal program tersebut kedengaran dengan perlahan pada latar rancangan.

Di samping tiga proses pemindahan bahasa di atas, Gambier (1994), turut menyenaraikan pelbagai jenis dan kaedah pemindahan multilingual dalam komunikasi audiovisual secara umumnya dan dalam televisyen, khususnya. Proses pemindahan bahasa ini dibuat untuk menyalurkan mesej bahasa asing kepada penonton sasaran (Gambier,1994:11). Kaedah-kaedah yang dinyatakan oleh Luyken et al. dan Gambier ini dapat diringkaskan seperti dalam (9) yang berikut :

- (9)
- a. Sari kata
  - b. Alih suara
  - c. Interpretasi
  - d. Suara latar
  - e. Narasi
  - f. Ulasan / Ulasan bebas
  - g. Penyuaran semula atau penyiaran multilingual
  - h. *Surtile* atau *supratitle, intertitles*
  - i. Terjemahan serentak
  - j. Kapsyen

Dalam kajian ini fokus utamanya ialah sari kata, dan tumpuan perbincangan adalah tentang hal-hal yang berkaitan dengannya.

#### 1.1.4 Wacana audiovisual

Walaupun para pensari kata pada amnya dibantu oleh pelbagai kemudahan teknologi yang canggih semasa proses penyediaan sari kata, namun mereka masih perlu

mengambil kira beberapa perkara semasa pemindahan bahasa dijalankan. Pada peringkat pemindahan bahasa ini dan penentuan strategi penterjemahan yang akan digunakan, pensari kata terpaksa berhadapan dan perlu menimbang kategori komunikasi yang terlibat dalam saluran audiovisual ini. Kategori komunikasi yang dimaksudkan adalah seperti yang dinyatakan dalam (10) yang berikut :

- (10)
- a. komunikasi verbal semata-mata : dalam keadaan ini, pilihan perlu dibuat sama ada penambahan, penggantian atau pengurangan perkataan dibuat dalam bahasa sasaran untuk memindahkan unsur verbal bahasa sumber. Selain itu, pilihan juga perlu dibuat sama ada teks sumber perlu diparafasakan dan sebagainya.
  
  - b. komunikasi bukan verbal semata-mata : dalam keadaan ini pula, keputusan akan dibuat sama ada perlu menambah, mengubah atau menggugurkan lambang-lambang bukan verbal yang hadir dalam bentuk gambar, warna, gerak isyarat, mimik, bunyi dan sebagainya.
  
  - c. penggantian komunikasi verbal dengan bukan verbal : dalam kategori ini, kata atau kumpulan kata yang mempunyai nilai komunikasi yang tertentu dalam teks sumber (seperti intonasi) digantikan dengan satu atau lebih daripada satu elemen bukan verbal dalam teks sasaran.

Semasa memindahkan sesuatu teks yang menunjukkan wujud perhubungan antara lambang verbal dan bukan verbalnya, keperluan timbul untuk mengetahui sama ada satu daripada lambang itu lebih penting daripada lambang yang satu lagi. Keperluan juga timbul untuk mengenalpasti sama ada lambang-lambang tersebut mempunyai sifat saling melengkapi antara satu dengan lain. Kelaziman dalam pemindahan bahasa ini

menunjukkan bahawa sari kata tidak mengubah unsur visual dalam program dan tidak juga menghentikan rangka visual walaupun sesaat. Perkara penting yang perlu diperhatikan ialah, teks audiovisual hanya boleh dimanipulasi atau diterjemahkan dalam bentuk komponen visual sahaja, (Zabalbeascoa, 1997).

Selain itu, dalam menentukan strategi pemindahan bahasa ini, faktor-faktor yang terlibat dalam sari kata adalah penting diambilkira seperti dalam (11) :

- (11) a. persoalan umum tentang proses penterjemahan itu sendiri dan aspek- aspek lain yang berkaitan dengannya,
- b. teknik pensarikataan semasa, perantara, kelaziman dan teknologi yang digunakan,
- c. faktor yang terlibat dalam penghasilan program televisyen,
- d. konteks profesional, iaitu kerja-kerja yang dilakukan oleh para pensari kata (sejauhmana yang diperlukan dan sejauhmana yang telah dihasilkan sebenarnya?), dan
- e. jenis program televisyen atau filem; contohnya, dalam program komedi, pensari kata perlu memahami ciri-ciri program dan sifat kelakar yang digunakan dalam program tersebut, bahasa yang digunakan, kesan yang dibawakan dalam cerita dan sebagainya.

Kesukaran dan batasan-batasan tertentu juga perlu dihadapi semasa proses penyediaan sari kata dilakukan. Batasan-batasan yang hadir dalam komunikasi audiovisual ini menunjukkan bahawa penghasilan sari kata turut dipengaruhi oleh kesukaran-kesukaran yang terpaksa dihadapi, seperti dalam (12) :

- (12) a. Perubahan bentuk komunikasi daripada pertuturan kepada penulisan. Keadaan ini menunjukkan bahawa sesetengah ciri pertuturan seperti dialek yang tidak

- standard, peranti empati seperti intonasi, perubahan kod, pertukaran gaya pertuturan, giliran bertutur tidak dapat digambarkan secara automatik dalam bentuk tulisan dalam bahasa sasaran.
- b. Faktor-faktor fizikal yang mempengaruhi medium atau saluran komunikasi audiovisual perlu diambil kira. Contohnya, keperluan untuk patuh kepada bilangan karektor setiap baris sari kata, masa sisipan bagi sari kata dan sebagainya.
  - c. Strategi pengurangan yang terpaksa dilakukan kerana keperluan fizikal yang harus dipatuhi. Oleh itu pensari kata perlu mengutamakan strategi yang mementingkan nilai koheren agar makna yang perlu disampaikan dalam teks sasaran dapat dimaksimumkan.
  - d. Keperluan kepada penyesuaian imej visual dengan sari kata yang disediakan. Dalam komunikasi audiovisual ini, elemen akustik dan imej visual tidak dapat dipisahkan dalam penghasilan program yang disiarkan (Chaume, 1997) dan dalam terjemahan pula, koheren perlu dipertimbangkan bagi kedua-dua elemen ini, dan ini merupakan satu lagi batasan yang perlu ditangani.

#### 1.1.5 Senario Pensarikataan di Malaysia

Sehingga kajian ini dimulakan (Oktober 2001), terdapat empat stesyen televisyen yang utama di Malaysia. Stesyen-stesyen ini ialah Radio Televisyen Malaysia (RTM), yang dimiliki oleh Kementerian Penerangan Malaysia dan tiga buah stesyen swasta, iaitu

---

<sup>1</sup> Teks sumber : *Translation Studies primarily dealt with the process of transferring verbal signs and utterances. Non-verbal information has usually been neglected or taken for granted as if the translation of verbal utterances took into account or simply included every single paralinguistic, kinesic or semiotic sign which cohesively complements verbal signs.*

<sup>2</sup> Teks sumber : *Translation can be considered an act of interpersonal communication. The translated text is the means in which the communication is made possible.*

<sup>3</sup> Teks sumber : *Communicative signals need not always consist of linguistic elements alone, but these may also be complemented or accompanied by non-linguistic or non-verbal means, such as intonation, facial expressions, or gestures in face-to-face communication, or by illustrations, layout, a company logo, etc. in*

---

written communication. In some texts, non-verbal elements may be of even greater importance than verbal elements, as is the case in comic-strip.

<sup>4</sup> Teks sumber : *Audiovisual translation is an unusual type of communicative interaction. It employs target linguistic signals to accompany other source aural and visual semiotic elements.*

<sup>5</sup> Teks sumber : *Audiovisual translation is just a modality of translation of special texts where two narrations, which use two different channels of communication take place at the same time thus forming a coherent and cohesive text, a multidimensional unit.*

<sup>6</sup> Raja Mashitah Raja Ariffin dan Rahmah Jaafar, "Satu Analisis Statistik Buku Terjemahan Dalam Bidang Linguistik dan Pendidikan" dalam *Terjemahan dalam Bidang Pendidikan*, 2003, hlm 28-39.

<sup>7</sup> *ibid.*, hlm. 31.

<sup>8</sup> Ummul Khair Ahmad dan Khalid Mazlan, "Penterjemahan Ilmu dan Masa Depan Bahasa Melayu sebagai Wahana Ilmu Sains dan Teknologi : Satu Khayalan yang Tiada Kesampaian?" Kertas Kerja yang dibentangkan semasa Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-9. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.

<sup>9</sup> *ibid.*

<sup>10</sup> Pusat Bahasa dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia turut menawarkan kursus terjemahan sebagai pengkhususan kecil sehinggalah sesi 1992/93 berjaya membuka program Ijazah Sarjana Muda Terjemahan dan Interpretasi. Kandungan kursus yang ditawarkan bagi program ini bukan semata-mata terdiri daripada kursus yang mempelajari bahasa semata-mata tetapi turut merangkumi bidang lain yang dapat melengkapkan kemahiran penterjemah. Pada asasnya, penawaran program ini dibuat antara lainnya untuk menghasilkan penterjemah yang mahir dalam teks undang-undang. Penawaran pelbagai kursus yang saling melengkapi dalam program ini kelihatannya selaras dengan perkara yang dinyatakan dalam sebuah persidangan UNESCO di Nairobi pada tahun 1976 yang membuat satu perakuan supaya, "*semua negara ahli, hendaklah mengiktiraf pada prinsipnya, bahawa terjemahan itu ialah sebuah aktiviti bebas dan pengajarannya hendaklah dibezakan sama sekali daripada pengajaran dan pembelajaran bahasa semata-mata*" (UNESCO 1976). Sehingga tahun 2003, program ini telah berjaya mengeluarkan lapan kumpulan pelajar berijazah dalam bidang ini dan kursus pada peringkat lepasan ijazah (sarjana dan doktor falsafah) sedang giat dijalankan.

<sup>11</sup> Noraini Abdul Razak, Nafas Baru Aktiviti Penterjemahan Negara, *Utusan Malaysia*, 10 April 2003, hlm 7.

<sup>12</sup> Hasuria Omar, "ETeMS : Labelling The Conversion of Signs in Relaying The Contents" dalam *Terjemahan dalam Bidang Pendidikan*, 2003, hlm 588-610.

<sup>13</sup> Teks sumber : *Never before in the history of communication has there been a medium as popular and intimate as TV – nor has there has been a medium that capture the attention of millions of viewers for long viewing hours every day. New developments in telecommunications are expected to increase the popularity and the intimacy of the medium to the public. Developing the public's critical viewing skills ensures the intelligent use of the most popular medium of communication.*

<sup>14</sup> Statistik ini dibentangkan semasa ucap utama Seminar Penggunaan Bahasa Malaysia dalam bidang Penyiaran di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 8 - 9 Julai 2002.

<sup>15</sup> Teks sumber : *Language transfer describes the means by which a film or television programme is made understandable to target audience who are unfamiliar with the source language in which the original was produced. Language Transfer can be either visual, in which case text is superimposed onto the picture in a process known as subtitling, or aural, in which case the original voice track of the film or programme is actually replaced by a new one.*